

# 29 bahagian lagi mesyuarat hujung minggu

BH 15 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa — Sebanyak 29 lagi bahagian Umno akan mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing hujung minggu ini.

Kebanyakan mesyuarat bahagian itu diadakan pada Ahad. Bahagian terbabit ialah sembilan di Selangor, enam di Perak, empat di Johor, tiga di Sabah, masing-masing dua di Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang dan setiap satu di Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.

Bahagian-bahagian yang bermesyuarat di Selangor ialah Kuala Langat, Kapar, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Serdang, PJ Se-

latan, PJ Utara, Klang dan Hulu Langat.

Di Perak ialah Sungai Siput, Ipoh Barat, Ipoh Timur, Larut, Gopeng dan Taiping. Di Johor: Johor Bahru, Gelang Patah, Parit Sulong dan Seri Gading. Di Sabah Tanjung Aru (Sabtu), Tenom dan Silam. Di Wilayah Persekutuan: Segambut dan Labuan. Di Pulau Pinang Nibong Tebal dan Bayan Baru.

Di Melaka: Jasin, di Pahang: Rompin dan Negeri Sembilan: Jempol.

Setakat ini 48 daripada 165 ba-

LIHAT MUKA 5

## Dr M hanya perlu 3 lagi pencalonan

DARI MUKA 2

BH 15 MAR 2000

hagian Umno sudah mengadakan mesyuarat masing-masing.

Daripada jumlah itu, 47 bahagian mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Hanya bahagian Tanah Merah mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu, Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

Dr Mahathir memerlukan tiga lagi pencalonan bagi melayakkan beliau untuk bertanding jawatan itu manakala Abdullah sudahpun layak. Calon timbalan presiden memerlukan 33 pencalonan.

Bagi jawatan naib presi-

den, 11 nama dicalonkan setakat ini. Penyanggah jawatan berkenaan, Datuk Seri Najib Tun Razak masih menjadi calon kegemaran bahagian-bahagian apabila memperoleh 45 pencalonan.

Bahagian yang tidak mencalonkan beliau ialah Tawau, Ampang dan Kota Belud.

Pencalonan kedua terbahagi bagi jawatan itu setakat ini ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman yang mendapat 29 pencalonan diikuti Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar (16), Datuk Seri Osu Sukam (12), Datuk Seri Syed Hamid Albar (11), Tan Sri Mohamed Isa Samad (10), penyanggah Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib (8), Datuk Rais Yatim (5), Tan Sri Muhyiddin

Yassin (3), Tengku Razaleigh Hamzah (2) dan Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (2).

Najib dan Abdul Ghani sudahpun melayakkan diri untuk bertanding jawatan itu kerana mereka melepasi syarat kelayakan yang memerlukan 17 pencalonan.

Abdul Ghani, Abu Hassan dan Osu adalah menteri-menteri besar dan ketua menteri yang memperoleh pencalonan penuh daripada bahagian-bahagian yang sudah mengadakan persidangan di negeri masing-masing setakat ini.

Bagi Mohamed Isa, dua bahagian di Negeri Sembilan yang sudah mengadakan persidangannya setakat ini, hanya bahagian Rasah yang memberikan pencalonan kepada beliau sementara bahagian Seremban memberikan pencalonan

kepada Rais berserta Najib dan Abdul Ghani. Bagi jawatan Ketua Wanita Umno pula, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz mendapat 44 pencalonan berbanding 30 untuk penyanggah Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil pula mendapat 44 pencalonan, penyanggah Datuk Napsiah Omar (8) dan Ainon Khariyah Mohd Abas (22).

Bagi Pergerakan Pemuda pula, pemangku ketua Datuk Hishammuddin Tun Hussein mendapat 74 pencalonan manakala pencabarnya Raja Munir Raja Mustapha hanya memperoleh satu pencalonan.